



Headline: Ahli perniagaan nyaris ditipu Macau Scam  
Publication/Portal: Kosmo  
Date: 21 November 2018

Language: Malay  
Section: Negara  
Page: 10

## Ahli perniagaan nyaris ditipu Macau Scam

**MIRI** – Seorang ahli perniagaan di sini hampir menjadi mangsa sindiket penipuan Macau Scam selepas menerima panggilan yang mendakwa dia terlibat dalam kes bunuh.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Sarawak, Superintendan Mustafa Kamal Gani Abdullah berkata, lelaki berusia 52 tahun itu membuat laporan polis kelmarin apabila menerima panggilan daripada seorang lelaki yang mendakwa sebagai anggota polis Johor.

“Pengadu telah mene-

rima panggilan daripada nombor telefon 07-2254522 mengatakan dia terlibat dalam kes bunuh dan waran tangkap telah dikeluarkan,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Mustafa berkata, pengadu bertindak pantas menafikan terlibat dalam mana-mana kes jenayah seperti didakwa pemanggil berkenaan.

“Lelaki itu juga tidak membuat sebarang pembayaran (seperti diminta pemanggil) dan tidak mengalami sebarang kerugian,” katanya. – Bernama